

Anak bekas PM Mongolia turut terima wang SRC

Oleh MOHD. FADHLI

MOHD. SULAIMAN

fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini diberitahu dana SRC International yang diseleweng turut dipindah ke syarikat yang diperbadankan di Kepulauan Virgin British (BVI), Muraset Limited (Muraset Ltd.)

Pakar pemulihan aset luar pesisir yang juga pelikuidasi SRC, Angela Barkhouse berkata, syarikat itu yang dipercayai ada kaitan dengan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low menerima wang daripada SRC berjumlah AS\$15 juta 27 Disember 2011.

Saksi kedua itu ketika memberi keterangan melalui Zoom dalam kes saman dikemukakan SRC terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, syarikat itu kemudian memindahkannya kepada beberapa individu dan entiti termasuk anak bekas Perdana Menteri Mongolia, Sukhbaataryn Batbold dan seorang ahli politik.

Angela berkata, berdasarkan penyelidikannya, Battushig Batbold, anak lelaki bekas Batbold, menerima AS\$40,000, manakala Dash Uranbileg iaitu tokoh politik di Mongolia menerima AS\$2 juta daripada Muraset.

Katanya, AS\$4.5 juta pula dipindahkan kepada pengarah Muraset, Cheong Choo Young iaitu proksi Batbold, manakala isterinya, Kim Hak Seon menerima AS\$1.4 juta.

Angela yang juga Pengarah



NAJIB Razak diiringi pegawai penjara ketika hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam untuk sambung bicara kes pecah amanah dan pelanggaran kewajipan statutori berkaitan dana SRC International.
- UTUSAN/M FIRDAUS M JOHARI

Urusan Quantuma International berkata, Muraset menerima dana berkenaan daripada akaun anak syarikat SRC, SRC BVI di BSI Bank.

SRC BVI dilantik untuk menjalankan aktiviti pelaburan luar negara dalam sektor sumber tenaga.

Katanya, hasil penyelidikan menunjukkan Batbold mengawal Muraset melalui pemegang sahamnya iaitu syarikat yang diperbadankan di BVI iaitu Grandcastle Assets Limited. Bagaimanapun, perniagaan syarikat itu tidak diketahui.

Kata Angela, pada mulanya

Muraset menerima dana daripada SRC BVI, sebagai bayaran untuk tiga juta saham dalam Gobi Coal Energy Limited di Mongolia, menyaksikan Gobi Coal memegang hak ke atas dua lombong di Mongolia.

"Walaupun ini nampaknya adalah urusan niaga yang dibuat mengikut pelaburan dalam sektor tenaga dan sumber, pemerolehan saham ini dijalankan tidak mengikut aturan yang wajar.

"Pemindahan itu nampaknya kekurangan nilai komersial. Tiada asas bagi pembayaran ini yang dikenal pasti dan menun-

jukkan bahawa ia mekanisme mengalih dana kepunyaan SRC International," katanya.

Pada 7 Mei 2021, SRC di bawah pengurusan baharu memulakan tindakan saman sivil terhadap Najib dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC, Nik Faisal Ariff Kamil sebagai defendan pertama dan kedua.

Bekas pengarahnya iaitu Datuk Suboh Md. Yassin, Datuk Mohammed Azhar Osman Khairuddin, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halimi, Tan Sri Ismee Ismail dan Datuk Che Abdullah @ Rashidi Che Omar, dinamakan sebagai pihak ketiga.